

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7

Rakyat Malaysia boleh guna PADU tanpa waswas

Rakyat Malaysia boleh guna PADU tanpa waswas

PUTRAJAYA - Rakyat Malaysia boleh menggunakan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) tanpa ragu-ragu atau risau terhadap tahap keselamatan data peribadi mereka, kata Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.

Bellau yang merupakan jurucakap Kerajaan Perpaduan berkata, pembangunan sistem tersebut yang turut melibatkan beberapa entiti penting seperti Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), CyberSecurity Malaysia dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) menunjukkan aspek keselamatan siber dititikberatkan.

"JPDP adalah jabatan yang sangat proaktif untuk pastikan cara simpanan data itu tertib dan ikut undang-undang, gerak kerja mereka sangat rapi.

"Saya rasa rakyat Malaysia boleh menggunakan sistem Padu tanpa waswas, tanpa ragu-ragu dan tanpa sebarang rasa risau terhadap tahap keselamatan data peribadi mereka," katanya kepada pemberita selepas Majlis Peluncuran PADU yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini pada Selasa.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, PADU merupakan suatu pangkalan data ke hadapan dalam membantu kerajaan melakukan penjimatan dan memastikan rakyat yang berhak mendapat subsidi.

"Subsidi kita (Malaysia) tersasar suatu ketika dahulu dan harus kembali ke landasan bagi menentukan hanya yang berhak memperoleh subsidi," tegasnya.

Dalam pada itu, Menteri Digital, Gobind Singh Deo berkata, pelancaran PADU merupakan detik bersejarah penting bagi negara ke arah pelaksanaan transformasi digital.

"Amat penting untuk kita pastikan semua dapat kerjasama untuk kemas kini maklumat dalam sistem PADU. Bagi pihak Kementerian, kita menyokong penuh inisiatif Kementerian Ekonomi ini," jelasnya.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke pula berkata, ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kini mempunyai tanggungjawab lebih penting untuk memastikan rakyat di kawasan mereka mengemas kini data PADU.

"Ini perlukan usaha daripada barisan hadapan khususnya ahli Parlimen dan ADUN kena sama-sama membantu di kawasan masing-masing untuk kemas kini info dan maklumat orang ramai," ujarnya. - Bernama

Pegawai perolehan, Saifuddin Adham, 56, mengisi maklumat dalam sistem PADU pada Selasa.

